

### Definisi Al-Qard

#### BAHASA :

Pengasingan sebahagian dari sesuatu. Dalam aspek ini, seolah-olahnya si pemberi pinjam telah mengasingkan sebahagian dari harta miliknya untuk diberi pinjam kepada si peminjam yang akan mengembalikan semula kepada si pemberi pinjam dalam tempoh tertentu

#### ISTILAH :

Al-Qard ialah pinjaman yang dilakukan untuk sesuatu kegunaan samada dari wang ringgit atau lainnya yang akan dipulangkan samada dalam bentuk zat yang sama ataupun tidak.

### DALIL AL-QURAN & HADIS

#### DALIL AL-QURAN

### DALIL AL-QURAN & HADIS (cont)

Al-Qard telah disyariatkan melalui Al-Quran dan As-Sunnah. Selain "Ayat al-qard" di atas masih ada ayat al-Quran lain yang menyentuh tentang al-Qard, diantaranya firman Allah swt : **"Siapakah yang muah memberi pinjaman kepada Allah, pinjaman yang baik iaitu dengan mengeluarkan hartanya di jalan Allah, maka Allah akan melipatgandakan balasan baik kepadanya dengan lipat ganda yang banyak. Dan Allah-lah yang menyempitkan dan melapangkan rezki dan kepada-Nyalah kamu akan dikembalikan."** (Al-Baqarah : 145)

#### DALIL HADIS

Hadis Nabi Muhammad saw juga banyak menyebut tentang al-Qard, diantaranya sabdaan Nabi Muhammad saw :

**ما من مسلم يقرض مسلماً فرضاً مرتين إلا كان كصدقة مرة**

“..Sesiapa dari kalangan orang Islam yang memberi pinjaman kepada orang Islam yang lain sebanyak dua kali maka seolah-olahnya dia telah memberi sedekah satu kali.”

### HUKUM AL-QARD

Hukum al-Qard bagi pemberi pinjam dan yang meminjam adalah bergantung kepada keadaan mereka. Kadangkala hukumnya menjadi wajib dan kadangkala menjadi sunat dan lain-lain.

1. Memberi Hutang : Sunat
2. Berhutang : Harus(pada asalnya) tetapi hukumnya boleh berubah bergantung kepada niat orang yang berhutang iaitu boleh jadi wajib, haram dan makruh
3. Membayar Hutang : Wajib membayar kembali hutangnya dengan baik.

### Hukum Al-Qard ke Atas Peminjam (Al-Muqrider)

a) Wajib : Memberi pinjam menjadi wajib sekiranya orang yang hendak meminjam dalam keadaan terdesak untuk menyara hidupnya atau keluar-ganya dan si al-muqrider adalah orang yang mampu untuk memberi pinjaman.

b) Haram : Haram ke atas al-muqrider memberi pinjaman kepada orang yang diyakini akan menggunakan pinjaman tersebut untuk melakukan perkara yang haram seperti menggunakan wang pinjaman untuk berjudi dan sebagainya.

### Hukum Al-Qard ke Atas Peminjam (Al-Muqrider) (cont)

c) Sunat : Pada umumnya, sunat memberi pinjam kerana perbuatan tersebut boleh membantu menyelesaikan masalah mereka yang memerlukan.

d) Makruh : Hukum makruh akan terjadi dalam urusan memberi pinjaman sekiranya pinjaman diberi tidak mengikut keutamaan orang-orang yang ingin meminjam dan juga menjadi makruh jika diyakini bahawa orang yang meminjam akan membazirkannya.

e) Harus : Harus memberi pinjaman jika urusan tersebut bukan untuk membantu orang yang berhajat tetapi hanya sekadar tujuan tertentu seperti memberi pinjaman semata-mata supaya pinjaman tersebut terjamin keselamatannya jika diberi pinjam kepada seseapa yang boleh dipercayai.

### Hukum Al-Qard ke Atas yang Meminjam (Al-Muqtarid)

a) Wajib : Meminjam sesuatu keperluan menjadi wajib jika pinjaman tersebut dilakukan untuk menyelamatkan nyawa seseorang.



By Nazhan (nazhanwafiq07)

cheatography.com/nazhanwafiq07/

Published 9th April, 2022.

Last updated 14th April, 2022.

Page 1 of 2.

Sponsored by [CrosswordCheats.com](http://crosswordcheats.com)

Learn to solve cryptic crosswords!

<http://crosswordcheats.com>

## NazhanWafiq Cheat Sheet

by Nazhan (nazhanwafiq07) via cheatography.com/146218/cs/31589/

### Hukum Al-Qard ke Atas yang Meminjam (Al-Muqtarid) (cont)

b) Haram : Haram ke atas seseorang yang ingin meminjam sesuatu untuk digunakan dalam perkara yang haram.

c) Sunat : Disunatkan meminjam sesuatu keperluan jika perkara itu boleh mengurangkan bebanan yang tertanggung.

d) Makruh : Makruh hukumnya jika meminjam sesuatu semata untuk berlebih-lebihan dalam sesuatu perkara.

e) Harus : Diharuskan meminjam sesuatu keperluan sekiranya berhajat dan hajat tersebut tidak sampai ke tahap sunat atau wajib.

### SYARAT AL-QARD

Terdapat empat syarat yang mesti dipenuhi dalam akad al-qard :

1. Akad Al-qard dilakukan dengan ijab dan qabul atau bentuk yang boleh menggantikannya, seperti muatah (kontrak dengan tindakan/saling memberi dan memahami antara satu sama lain)

### SYARAT AL-QARD (cont)

2. Kedua-dua pihak yang terlibat dalam akad Al-Qard mesti cukup syarat sah (munasabah, baligh dan tanpa paksaan). Berdasarkan syarat-syarat ini, akad al-qard sebagai akad tabarru' (amal / sosial), maka akad al-qard yang berlaku oleh kanak-kanak kecil, orang gila, orang bodoh atau orang yang diseksa, maka akad itu tidak sah.

3. Menurut kalangan hanafiyah, harta yang dipinjamkan mestilah harta yang setara di pasaran, atau nilai yang setara manakala menurut jumhur ulama, harta yang dipinjamkan di dalam al-qard boleh menjadi harta yang digunakan sebagai tanggungan.

4. Saiz, jumlah, jenis dan nilai harta yang dipinjamkan mestilah jelas supaya mudah dikembalikan. Ini adalah untuk mengelakkan pertikaian antara pihak-pihak yang menjalankan akad al-qard.

### RUKUN AI-QARD

1. Peminjam (muqtaridh) : Peminjam mestilah ahli muamalah, yang bermaksud dia harus matang, berakal, dan tidak kompeten (menurut undang-undang, tidak dibenarkan mengatur hartanya sendiri).

2. Pemberi pinjaman (muqrighth) : Pemberi pinjaman mestilah Ahliyat at-Tabarru' dengan maksud mempunyai kemampuan menggunakan hartanya secara mutlak mengikut pandangan syarak. Dalam qardh, seorang muqrighth meminjamkan dananya tanpa paksaan daripada pihak lain.

3. Barang/hutang (Mauqud 'Alaih) : Barang yang dijadikan objek dalam qardh hendaklah tertakluk kepada akad salam. Dengan akad salam, barang tersebut dianggap sah untuk berhutang.

4. Ijab Qabul : Lafaz dalam qabul hendaklah dibuat dengan jelas dan boleh difahami oleh kedua-dua pihak, supaya tidak menimbulkan salah faham.

### Cara yang dibenarkan dalam islam untuk berhutang.

Terdapat empat cara yang dibenarkan dalam Islam untuk berhutang :

1. Seseorang yang hendak berhutang dibenarkan menggadai hartanya untuk cagaran. Perkara ini dibenarkan dalam Islam.

2. Dibenarkan mengadakan penjamin di antara mereka.

3. Boleh dilakukan secara bertulis.

4. Dibenarkan menggunakan saksi

### HIKMAH HUTANG

1. Untuk mewujudkan suasana tolong-menolong.

2. Mengeratkan lagi hubungan silaturrahim sesama umat islam.

3. Mengajak mereka supaya berusaha menyelesaikan masalah secara bekerjasama.

4. Untuk menghalang manusia mengambil kesempatan daripada kesusahan dan hajat orang lain.

By Nazhan (nazhanwafiq07)



Published 9th April, 2022.

Last updated 14th April, 2022.

Page 2 of 2.

Sponsored by [CrosswordCheats.com](http://crosswordcheats.com)

Learn to solve cryptic crosswords!

<http://crosswordcheats.com>